



جامعة تكنولوجيا مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

KOLEKSI
BERIBU-RIBU
PANTUN
UiTM DI HATIKU JILID 2

PROJEK KHAS PEJABAT NAIB CANSELOR

© Penerbit UiTM, UiTM 2024

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Penerbit UiTM, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
E-mel: penerbit@uitm.edu.my

Penerbit UiTM adalah anggota
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-363-913-7 (hardback)

Dicetak di Malaysia oleh: Pusat Percetakan UiTM

Kolej Pengajian Seni Kreatif
Universiti Teknologi MARA
40450, Shah Alam
Selangor



ISI KANDUNGAN

KATA ALU-ALUAN	1
PRAKATA	3
KOLEKSI PANTUN	5

PRAKATA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, buku *Koleksi Beribu-ribu Pantun UiTM Di Hatiku* berjaya diterbitkan. Buku ini menghimpunkan beribu-ribu kenangan, kisah suka duka, kisah lucu, rahsia dan harapan warga UiTM yang dirakamkan dalam nukilan pantun empat kerat. Pantun dan budaya Melayu berpisah tiada sejak dahulu lagi. Namun kini, ia seakan dipandang sepi. Seni berpantun tidak lagi diamalkan sebagaimana zaman dahulu kala. Seni ini seharusnya dipelihara biarpun zaman beralih dan generasi bertukar ganti.

Pantun adalah warisan yang tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas. Pantun dapat menyampaikan mesej dengan gaya yang ringkas melalui penggunaan bahasa yang dapat menunjukkan kehalusan budi dan ketinggian akal penyampainya. Kiasan dalam pantun bukan hanya sebagai satu metafora tetapi juga menjadi nasihat dan ilmu.

Bagi pihak Jawatankuasa Projek Koleksi Beribu-ribu Pantun UiTM Di Hatiku, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Naib Canselor UiTM, YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor atas sokongan padu yang diberikan dalam usaha menghimpunkan pantun daripada warga UiTM. Buku yang menghimpunkan 16,828 rangkap pantun ini mengungkapkan rasa kasih, sayang, cinta dan ingatan terhadap UiTM. Semoga koleksi beribu-ribu pantun ini dapat mengembalikan nostalgia terhadap UiTM dan ITM, sekali gus menjadi pembakar semangat warganya untuk terus mengukuhkan lagi UiTM sebagai universiti terbilang dan cemerlang.

Terima kasih diucapkan kepada semua warga UiTM yang sudi menyumbang nukilan pantun mereka. Pantun-pantun yang dikirim oleh alumni dan pesara UiTM menunjukkan biar sejah mana pun mereka berkelana, selama mana pun mereka meninggalkan UiTM dan setinggi mana pun kedudukan mereka, UiTM tetap di hati mereka.

Terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada semua Ahli Jawatankuasa Projek Koleksi Beribu-ribu Pantun UiTM Di Hatiku, Ahli Jawatankuasa Penyelenggara Penerbitan Buku Koleksi Beribu-ribu Pantun UiTM Di Hatiku dan pihak-pihak lain yang bersungguh-sungguh dan bekerja keras dalam memastikan usaha murni ini berjaya dilaksanakan.

*Bunga kantan buat jualan,
Sedap pula dimasak laksa;
Terima kasih atas nukilan,
Buat kenangan sepanjang masa.*

*Pokok pegaga tumbuh melata,
Dipetik ia dibuat ulam;
Biar UiTM tidak di mata,
Namun di hati tetap tersulam.*

Sekian, terima kasih.

Profesor Dato' Dr. Abdullah Mohamad Said
Pengerusi Projek Koleksi Beribu-ribu Pantun UiTM Di Hatiku

KOLEKSI BERIBU-RIBU **PANTUN** UiTM DI HATIKU

Harapan, kenangan, kasih dan sayang buat UiTM tidak pernah padam buat warganya. Segalanya menjadi ingatan sepanjang masa. Ingatan ini diabadikan dalam karangan pantun yang terhimpun dalam **Koleksi Beribu-ribu Pantun UiTM Di Hatiku**. Buku **Koleksi Beribu-ribu Pantun UiTM Di Hatiku** Jilid 2 ini merupakan satu daripada dua jilid buku **Koleksi Beribu-ribu Pantun UiTM Di Hatiku**. Koleksi ini merupakan satu inisiatif UiTM dalam usaha menghimpunkan pantun yang bertemakan UiTM di Hatiku. Sebanyak 16,828 rangkap pantun empat kerat hasil nukilan warga dan pesara UiTM dihimpunkan dalam buku koleksi ini. **Koleksi Beribu-ribu Pantun UiTM Di Hatiku** bukan hanya sekadar koleksi pantun bertemakan UiTM di Hatiku semata-mata.

Setiap bait pantun mengungkap rasa pahit manis, kisah suka duka serta harapan warga dan pesara UiTM. Bermula dari perkenalan di minggu pertama kuliah hingga ke istiadat konvokesyen, segala kenangan, pengalaman dan pengajaran dikongsikan bersama oleh para pelajar dan alumni UiTM. Begitu juga dengan kisah manis dan lucu staf serta pesara UiTM. Nasihat dan dorongan juga diselitkan bersama dalam himpunan beribu-ribu pantun ini. Koleksi ini juga dapat menjadi bukti betapa kukuhnya silaturrahim warga UiTM dan kecemerlangan akademik dan kepimpinan UiTM sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Pantun yang digarap juga dapat menjadi bukti kehalusan bahasa dan ketinggian budi warga UiTM. **Koleksi Beribu-ribu Pantun UiTM Di Hatiku** ini menjadi tanda bahawa biar hilang di mata biar jauh beribu batu, UiTM tetap dalam ingatan.